

AD

Creative Cloud All Apps.
Now RM150.10/month.

Buy now

Adobe

AGX catat premium hari pertama di Bursa Malaysia

Oleh [Mohd Zaky Zainuddin](#) - Februari 7, 2024 @ 12:16pm

zaky@bh.com.my



Rozalila (lima dari kanan) mengetuk gong simbolik penyenaraian sulung saham AGX di Bursa Malaysia hari ini - Gambar ihsan AGX

KUALA LUMPUR: AGX Group Bhd (AGX) membuat kemunculan sulung di Pasaran ACE Bursa Malaysia apabila dibuka pada 41 sen, premium enam sen atau 17.14 peratus berbanding harga terbitan 35 sen sesaham.

Syarikat logistik itu meraih dana sejumlah RM33.78 juta melalui terbitan awam 96.5 juta saham biasa baharu berharga 35 sen sesaham.

Daripada jumlah kasar itu, sejumlah RM16.44 juta diperuntukkan untuk modal kerja manakala RM8.7 juta akan digunakan untuk mengembangkan kehadiran perniagaannya di Malaysia dan Korea Selatan melalui penubuhan gudang dan pejabat baharu di Pulau Pinang dan Johor Bahru serta sebuah pejabat baharu di Busan, Korea Selatan.

Baki dana diraih menerusi tawaran awal permulaan (IPO) sebanyak RM4.14 juta dan RM4.50 juta masing-masing akan digunakan untuk pembayaran balik pinjaman bank dan perbelanjaan penyenaraian.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **AGX rancang guna hasil IPO buka gudang, pejabat baharu**

- AGX Group buka pejabat di Korea Selatan guna hasil IPO
- IPO tiga syarikat dapat sambutan hebat pelabur
- HE Group sasar modal RM24.33 juta daripada IPO
- Saham Master Tec mula diniagakan di Bursa Malaysia
- IPO Critical Holdings sasar kumpul modal RM26 juta
- IPO Wentel Engineering bakal jana modal RM71.03 juta
- IPO Jati Tinggi sasar dapatkan modal RM18.04 juta

Syarikat itu juga telah menerima pakai polisi dividen sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keuntungan tahunannya yang boleh diagihkan kepada pemegang saham dan saham tersenarainya adalah patuh Syariah.

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan Pengerusi AGX, Datuk Rozalila Abdul Rahman, berkata perjalanan AGX sebagai penyedia perkhidmatan logistik pihak ketiga (3PL) Malaysia sejak 2004 telah berkembang di seluruh rantau Asia Tenggara dengan tumpuan kepada yang luar biasa ke atas aspek perkhidmatan, termasuk logistik aeroangkasa.

"IPO ini berjaya mengumpul RM33.8 juta, menandakan langkah strategik untuk pengembangan perniagaan dan modal kerja.

"Kedudukan daya saing kami terhadap gergasi multinasional adalah jelas, dan IPO yang terlebih langgan mencerminkan keyakinan pelabur yang kukuh terhadap potensi kami untuk pertumbuhan yang mampan.

"AGX teruja dengan masa depan kerana kami terus berkembang maju dalam industri logistik dinamik," katanya ketika majlis sempena penyenaraian sulung saham syarikat di sini, hari ini.

TA Securities menjadi penaja jamin, penasihat utama, penaja dan ejen penempatan untuk IPO syarikat itu.

AGX Group menyediakan perkhidmatan untuk membantu penghantar atau penerima mengangkut barang dari titik asal ke destinasi akhir mereka.

Kumpulan itu mempunyai kehadiran fizikal di Malaysia, Filipina, Korea, Myanmar, Singapura dan Kemboja (melalui rakan kongsi).

BERITA BERKAITAN



KORPORAT Jan 16, 2024 @ 3:58pm

AGX rancang guna hasil IPO buka gudang, pejabat baharu



KORPORAT Jan 2, 2024 @ 1:13pm

AGX Group buka pejabat di Korea Selatan guna hasil IPO



KORPORAT Jan 26, 2024 @ 10:51pm



KORPORAT Jan 12, 2024 @ 3:10pm